

Jadi peniaga utama barangan getah Getah: Usaha eksport baru

KUALA LUMPUR, Selasa. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia sedang berusaha untuk menjadi pengeksport utama bahan-bahan getah asli yang dikilang di dunia menjelang akhir dekad lapan puluhan ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, Kerajaan mempunyai semangat dan keazaman kuat untuk menentang berbagai halangan yang timbul dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Beliau juga yakin Malaysia akan menjadi salah sebuah negara pengeksport utama sarung tangan getah dunia dalam tempoh dua tahun lagi hasil penubuhan lebih banyak aryalat pengeluar bahan itu di negara ini. Serentak dengan itu, beliau mengesa para pengilang bahan-bahan getah asing agar menggunakan sepenuhnya peluang pelepasan cukai seperti cukai eksport yang ditawarkan bagi memulakan operasi di negara ini.

"Kepada mereka yang beranggapan bahawa aspirasi kita ini tidak realistik, saya ingin menarik perhatian mereka bahawa tidak terdapat sebatangpun pokok getah di negara ini sebelum tahun 1876.

"Tetapi hasil usaha, semangat dan keazaman Kerajaan dan rakyat negara ini, kita telah berjaya menakar hutan belantara kita menjadi ladang-ladang getah yang besar sekalipun getah bukan berasal dari Malaysia," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berucap demikian ketika merasmikan seminar antarabangsa mengenai peluang-peluang pelaburan dalam industri berasaskan getah di Malaysia di sini.

Kira-kira 200 peserta terdiri dari pengusaha-pengusaha getah tempatan dan luar negeri menghadiri seminar dua hari anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) itu.

"Saya tidak bermaksud bahawa perjalanan yang patut kita ikuti dalam usaha menjadikan negara ini sebagai pengeksport utama bahan-bahan getah asli yang dikilang adalah mudah.

"Tetapi kita mempunyai semangat dan keazaman kuat untuk mengatasi berbagai halangan yang akan timbul. Semangat dan keazaman inilah juga yang telah menjadikan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama getah asli dunia sekarang ini," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan penekanan lebih Kerajaan terhadap usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat segala aspek pengeluaran dan pemasaran getah asli bertujuan mewujudkan suasana pelaburan di bidang industri berasaskan getah yang lebih sesuai di negara ini.

"Ini boleh dilihat melalui penubuhan Pasaran Hadapan minyak sawit dan getah serta langkah menawarkan pengecualian cukai eksport terhadap bahan-bahan getah yang dikilang.

"Kerajaan mungkin tidak lama lagi akan menarik balik kelonggaran ini apabila berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan tadi tetapi walau apapun tindakan Kerajaan, ia tetap akan menguntungkan pengilang-pengilang bahan getah di negara ini jika dibandingkan dengan mereka di negara-negara lain," tegasnya.

Beliau berkata, Malaysia ingin melihat sumber-sumber asli negara ini seperti getah dikilang pada peringkat puncanya dengan menggunakan sepenuhnya kos buruh dan tenaga yang murah.

"Menurutnya, Malaysia dan negara-negara maju mengatasi masalah tekanan inflasi.

"Biarlah kami mengilang bahan-bahan ini bagi membolehkan rakyat negara maju membelinya dengan harga yang lebih murah. Sememangnya langkah ini memerlukan negara maju menyusun semula struktur industri mereka.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia